

Lelaki beli loteri haram didenda RM1,400

KUCHING: Padah membeli loteri awam tanpa lesen, seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM1,400 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Mohd Hairulnizam Omar, 36, yang mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 4.15 petang pada 12 Disember 2024 di sebuah kedai 24jam di Bandar Baharu Batu Kawa (MJC) di sini.

Fakta kes mendedahkan sepasukan polis membuat serbuuan Ops Dadu pada hari kejadian dan menahan tertuduh yang berada di kaunter kedai.

Pemeriksaan lanjut dilakukan dan polis mendapati terdapat peralatan yang digunakan untuk menjalankan kegiatan penjualan loteri tanpa lesen di premis berkenaan.

Semasa serbuuan juga, polis merampas wang tunai RM199, sebuah telefon bimbit dan sehelai keratan kertas tertulis angka-angka loteri awam tanpa lesen.

Siasatan lanjut juga mendapati bahawa hasil analisis pakar judi mengesahkan telefon bimbit tersebut mengandungi paparan angka-angka loteri awam tidak berlesen dan ia merupakan satu pembelian lengkap serta sempurna.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim sementara tertuduh tidak diwakili peguam.